

# Peluang terbuka tidak akan dilepaskan...

■ MASING-MASING tidak mahu melepaskan peluang besalam dengan Perdana Menteri sehingga terpaksa berhimpit-himpit.

Begitulah suasana di lapangan terbang Ipoh, Perak kelmarin apabila kira-kira 20,000 rakyat berbagai kaum menyambut ketibaan rombongan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mak Hon Kam, melawat secara rasmi dua hari ke Perak.

Berucap dalam majlis sambutan itu Perdana Menteri menyeru rakyat menjayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia